

Paras air tujuh empangan di Selangor

Fakta Grafik



Empangan Sungai Selangor

33.27%

Empangan Sungai Tinggi

47.29%

Empangan Batu

82.31%

Empangan Semenyih

76.44%

Empangan Klang Gate

70.66%

Empangan Tasik Subang

66.77%

Empangan Langat

63.26%

16 titik panas dikesan di seluruh negara

Putrajaya: Sebanyak 16 titik panas dikesan di negara ini semalam menerusi imej satelit National Oceanic and Atmospheric Administration (NOAA) 18 berdasarkan laporan daripada Pusat Pakar Meteorologi ASEAN (AS-MC) yang berpusat di Singapura.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar Datuk Seri G Palanivel berkata, titik panas yang dikesan itu adalah di Sarawak dengan 11 titik panas manakala lima titik panas lagi di Sabah.

“Semua titik panas yang dikesan dalam negara ini akan disiasat serta diambil

tindakan penguatkuasaan sewajarnya.

“Pada masa sama, sebanyak 46 titik panas dikesan di Sumatera, Indonesia menerusi satelit berkenaan manakala 231 titik panas dikesan di Kalimantan, Indonesia,” katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Jamin tiada gangguan bekalan air

Shah Alam: Walaupun berdepan dengan kebimbangan daripada pelbagai pihak bahawa negeri ini bakal berdepan sekali lagi krisis air, kerajaan negeri terus memberi jaminan tiada gangguan air yang akan berlaku.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Belia dan Sukan, In-

frastruktur dan Kemudahan Awam negeri Dr Ahmad Yunus Hairi berkata, sehingga semalam, paras air di empangan Sungai Selangor kekal di tahap 33 peratus.

Beliau berkata, bacaan terbaru paras air itu diyakini masih mampu untuk menampung keperluan per-

mintaan pengguna air di Lembah Klang.

“Sehingga hari ini (semalam), kerajaan negeri tidak menerima aduan masalah bekalan air melainkan gangguan yang disebabkan masalah paip pecah namun ia dapat diatasi dan bekalan air dipulihkan,” katanya.

PERJANJIAN DASAR INDUK

Metro 4/6/14 Ms18

Tidak boleh dibatalkan

■ Pakar undang-undang beri pendapat jika MB Selangor bertukar

Kuala Lumpur

Pemeteraian Perjanjian Dasar Induk penstrukturan semula industri bekalan air di Selangor tidak boleh dibatalkan sewenang-wenangnya meskipun berlaku pertukaran semula industri per-

hidmatan air berjalan lancar, tambahan Selangor adalah sebuah zon pesat membangun dan mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi,” katanya.

Bagaimanapun, Piarapakan menyarankan beberapa langkah harus dilaksanakan bagi menangani kekurangan air di Selangor untuk jangka masa pendek dan sederhana sebelum hasil perjanjian dapat dirasakan pada 2017.

Perjanjian itu adalah lanjutan kepada perjanjian persefahaman (MoU) yang ditandatangani kedua-dua pi-

perjanjian dapat dirasakan pada 2017.

meskipun berlaku perukaran Menteri Besar di negeri itu.

Dekan Kolej Undang-undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa Universiti Utara Malaysia Prof Madya Dr Ahmad Martadha Mohamed berkata perjanjian itu melalui proses yang sah membabitkan Kerajaan Persekutuan dan negeri.

Beliau yakin ia bukan dibuat atas dasar individu memandangkan hala tuju pemeteraian perjanjian itu juga jelas untuk menyelesaikan isu bekalan air yang berlarutan sejak 2008 di Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya.

“Jika misalnya berlaku pertukaran Menteri Besar dan perjanjian itu ingin ditarik balik, akan ada implikasi dari segi undang-undang kerana ia adalah satu perjanjian yang sah.

“Dalam perjanjian itu pasti ada syarat-syarat jelas jika terdapat mana-mana pihak ingin menarik diri, tindakan boleh dikenakan atau perlu membayar ganti rugi,” katanya kepada BERNAMA.

Pada Jumaat, Kerajaan Persekutuan dan kerajaan Selangor menandatangani Perjanjian Dasar Induk berhubung penstrukturan semula industri bekalan air dan penyelesaian jangka panjang isu air di negeri itu.

Kerajaan Persekutuan diwakili Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air

tantangan kedua-dua pihak pada 26 Feb lepas berkaitan projek pembinaan Loji Rawatan Air Langat 2 (LRAL2) dan Sistem Agihan.

Mengulas mengenai pemilihan tarikh pemeteraian perjanjian itu di tengah-tengah kemelut perebutan jawatan Menteri Besar di Selangor, Ahmad Martadha berkata ia bukanlah ditandatangani dalam keadaan terburu-buru.

“Soal pertukaran Menteri Besar di Selangor tidak ada kaitan dengan perjanjian itu kerana perbincangan mengenai penyelesaian isu air di negeri itu telah lama dibuat antara kedua-dua pihak.

“Kita perlu ingat bahawa Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri ada pejabat dan pegawai undang-undang mereka, jadi perjanjian yang penting untuk kesejahteraan rakyat tidak akan dibuat dalam keadaan tergesa-gesa,” katanya.

Presiden Persatuan Penyelidikan Air dan Tenaga Malaysia S Piarapakaran berkata semua halangan terhadap penstrukturan semula industri perkhidmatan air di Lembah Klang telah dapat diselesaikan menerusi pemeteraian perjanjian itu.

“Perjanjian ini penting dalam memastikan penstruk-

2017.

Antaranya ialah dengan memperkenalkan sistem prarawatan untuk mengurangkan kandungan ammonia dalam air mentah bagi Loji Rawatan Air (LRA) Bukit Tampoi dan LRA Batu 11 Cheras.

Piarapakaran berkata melalui sistem itu, kandungan ammonia boleh dikawal dalam kuantiti boleh dirawat oleh kedua-dua LRA berkenaan, selain daripada kos pelaburan yang lebih berpatutan tanpa risiko tambahan.

Katanya, pemantauan empangan Sungai Selangor juga perlu diperketatkan dan pada masa yang sama tahap kritikal empangan dinaikkan kepada aras 50 peratus.

Katanya, tahap kritikal semasa ditetapkan kerajaan Selangor adalah pada aras 30 peratus dan ia tidak bersesuaian memandangkan empangan itu membekalkan keperluan air mentah hampir 60 peratus di Selangor dan Kuala Lumpur.

“Apabila aras air di empangan lebih rendah daripada 30 peratus, kualiti air mentah juga akan terjejas. Jika berlaku gangguan atau perubahan kepada taburan hujan, fungsi empangan akan lebih terjejas seperti situasi sekarang,” katanya.

- BERNAMA

